

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COLGIS - Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni
Sent: Monday, November 12, 2018 2:24 PM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup; UUM - All Students
Cc: Prof. Madya Dr. Rusdi bin Omar; Dr. Mohd Na'eim Bin Ajis; Roshadah Bt Yaacob
Subject: UUM COLGIS ONLINE : KUMPULAN PERTAMA PELAJAR MOBILITI UUM COLGIS KE UNIVERSITAS BAKRIE



Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni
STUDENT DEVELOPMENT AND ALUMNI OFFICE
College of Law, Government and International Studies
Universiti Utara Malaysia

12 NOVEMBER 2018 / 04 RABIULAWAL 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

KUMPULAN PERTAMA PELAJAR MOBILITI UUM COLGIS KE UNIVERSITAS BAKRIE



PPA COLGIS ONLINE: Seramai tiga orang pelajar UUM COLGIS telah tiba di Jakarta bagi menjalani program mobiliti di Universitas Bakrie (UB), di Karet Kuningan, Kota Jakarta Selatan, Indonesia. Ini adalah kumpulan pertama yang menjalani program mobiliti berkredit di Universitas Bakrie sejak UUM megadakan MoU dengan Universitas ini. Mereka ialah Nur Amirah Diyana Binti Ahmad Sakri, Nur Afifah Syakirah Binti Mohd Kamal dan Nor Zaiwafaa' Binti Zainudin, pelajar Program Pengurusan Hal Ehwal Antarabangsa (INTAFF).

Mereka disambut oleh wakil UB iaitu Mbak Devi, Soeraya dan Thesalonika setibanya mereka di Lapangan Terbang Soekarno Hatta pada 18 September lalu dan dibawa terus ke tempat penginapan pelajar iaitu di daerah Karet Kuningan. Pelajar ditempatkan di rumah sewa yang dipanggil Kosan tidak jauh dari kampus utama UB yang mengambil masa hanya tujuh minit berjalan kaki ke kuliah. Oleh kerana keluasan kampus adalah terhad, maka bilik kuliah diadakan di dua tempat berbeza iaitu di kampus utama dan di tingkat 90 di Menara Bakrie.

Pada minggu suai kenal pelajar mobiliti, mereka dibawa mengelilingi persekitaran kampus dan berpeluang melawat beberapa tempat menarik termasuk Perpustakaan Nasional Republik Indonesia di Kota Jakarta. Ketiga-tiga pelajar ini telah mendaftar sebagai pelajar mobiliti di Fakultas Ilmu Sains Politik. Mereka juga telah diundang oleh pihak UB untuk menghadiri Majlis Konvokesyen yang ke – VIII untuk bersama-sama meraikan para graduan UB yang berlangsung di Taman Mini Indonesia. Wakil pelajar Nur Amirah Diyana mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak PPA COLGIS dan UUM kerana memberi peluang dan ruang menimba pengalaman untuk mengikuti program mobiliti selama satu semester di luar negara.

Pihak UUM COLGIS berharap agar pelajar yang menjalani program mobiliti berkredit dapat menggunakan peluang yang diberikan dengan sebaik-baiknya di dalam akademik, aktiviti persatuan mahupun program Corporate Social Responsibility (CSR) , mempromosikan UUM kepada dunia luar serta sentiasa menjaga nama baik UUM sepanjang mereka berada di luar negara.

Sekian, terima kasih.

"UUM COLGIS : WHERE INNOVATION IN GOVERNANCE BEGINS"

=====

Daripada:

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

College of Law, Government and International Studies (COLGIS)

Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia

Tel : +6049287805/7806/7807/7808 | Fax : +6049287849 | Email : colgis_pppa@uum.edu.my

Laman Web : <http://ppacolgis.uum.edu.my/> | Facebook : OFFICIAL PPA UUM COLGIS



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.